

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 31 JANUARI 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Musim panas di Sabah bulan depan	Berita Harian
2	Tiada pergerakan angin dari Siberia	Berita Harian
3	Angin kencang, laut bergelora dijangka berterusan sehingga Selasa	Bernamea.com
4	Kelab Astronautik dilancarkan dengan sasaran tarik 100,000 ahli di kalangan pelajar	Bernamea.com
5	CyberSecurity Malaysia beri amaran mengenai ancaman "Ransomware"	Bernamea.com

Musim panas di Sabah bulan depan

Kota Kinabalu: Sabah diramal mulai mengalami musim panas dan kering bulan depan berikutan penurunan jumlah hujan yang dijangka berlarutan sehingga Mac.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tusin, berkata keadaan itu adalah fenomena lazim yang berlaku apabila Monsun Timur Laut memasuki penghujung musim.

Berikutan itu, katanya ke-

bimbangan mengenai banjir gelombang kedua atau ketiga di negeri ini, khususnya di Beaufort, Membakut, Tenom dan Sipitang diramal tidak berlaku.

"Ketika ini, kita berada di penghujung Monsun Timur Laut yang mana jumlah hujan semakin berkurangan dan cuaca menjadi agak panas dan kering berbanding.

"Keadaan itu sudah dapat dirasai sejak awal minggu ini

dan kita meramalkan ia berlarutan sepanjang Februari hingga penghujung Mac," katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Hujan luar jangka

Banjir gelombang kedua melanda keempat-empat kawasan itu pertengahan bulan ini menyebabkan lebih 5,000 mangsa dipindahkan di pusat pemindahan sementara.

Ditanya kemungkinan ber-

laku hujan luar jangka yang boleh menyebabkan banjir seperti melanda Keningau, Tenom dan Beaufort pada Februari tahun lalu, beliau berkata, keadaan itu bergantung kepada perubahan cuaca semasa.

Katanya, banjir besar yang melanda daerah terbabit pada tahun lalu berlaku di penghujung Monsun Timur Laut dan ia disebabkan gangguan cuaca.

Tiada pergerakan angin dari Siberia

» *Cuaca sejuk dikhuatiri bawa hujan lebat ke Borneo*

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

► **Kuching**

Angin sejuk dari Siberia dikhuatiri membawa hujan lebat yang mampu mencetus banjir gelombang kedua di negeri ini.

Bagaimanapun, sehingga ki-

ni tiada pergerakan angin dari tanah tinggi berkenaan dikesan berada berdekatan dengan kepulauan Borneo.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia berkata, jika pergerakan angin itu dikesan dalam tempoh seminggu, pihaknya akan mengeluarkan amaran berjaga-jaga sebagai langkah awal untuk memperkemaskan persediaan menghadapi banjir.

Beliau berkata, keadaan itu dijangka berterusan hingga perayaan Tahun Baharu Cina dan berharap orang ramai tidak bimbang kerana pihaknya akan sentiasa memantau keadaan dan memberi taklimat

“*Keadaan itu dijangka berterusan hingga Tahun Baharu Cina dan berharap orang ramai tidak bimbang kerana pihak kami akan sentiasa pantau keadaan...*”

Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia,

segera kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) jika mengesan sebarang perubahan cuaca yang mampu menyebabkan banjir.

Ramalan untuk 7 hari

“Setiap ramalan yang kami buat adalah untuk tempoh tujuh hari. Misalnya, untuk tempoh seminggu akan datang bermula hari ini (semalam), hujan sekejap-sekejap dijangka berlaku di beberapa tempat di seluruh negeri ini, tetapi ia tidak akan menyebabkan banjir.

“Begitu juga dengan pergerakan angin dari Siberia yang setakat ini tidak dikesan menghampiri Sarawak dan kita harap akan berterusan sehingga penghujung musim tengkujuh,” katanya.

Katanya lagi, keadaan banjir yang melanda di utara Sarawak dijangka pulih sepenuhnya berikutan keadaan cuaca yang semakin baik, walaupun hujan sekejap-sekejap melanda di beberapa kawasan.



Angin Kencang, Laut Bergelora Dijangka Berterusan Sehingga Selasa

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Angin kencang Timur Laut (kategori pertama) dengan kelajuan 40-50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak berketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Timur Johor, Sarawak, Kudat, pantai barat dan pedalaman Sabah termasuk Sandakan dari Ahad hingga Selasa ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi](#) hari ini, keadaan angin pada kelajuan sama turut dijangka melanda Labuan dan Sulu mulai esok hingga Selasa ini, manakala di Samui, Tioman, Bunguran, Reef South dan Kuching mulai Ahad hingga Selasa ini.

Angin kencang dan laut bergelora kategori kedua yang sedang melanda kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan dijangka berterusan sehingga Selasa, katanya.

Menurut jabatan itu, ribut petir dengan angin kencang berkelajuan 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak berketinggian sehingga 3.5 meter di perairan Selangor dan Mukah, Bintulu dan Miri di Sarawak juga dijangka berterusan sehingga petang ini.

Sementara ribut petir di perairan Reef South dijangka berterusan sehingga petang ini dengan angin kencang berkelajuan 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak berketinggian sehingga 3.5 meter.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri, bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

-- BERNAMA



Kelab Astronautik Dilancarkan Dengan Sasaran Tarik 100,000 Keahlian Di Kalangan Pelajar



KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Kelab Astronautik Malaysia, yang dilancarkan pada Sabtu menyasarkan 100,000 keahlian dalam kalangan pelajar sekolah rendah bagi menarik minat mereka mendalami bidang sains pada usia muda.

Presiden Persatuan Astronautik Malaysia (AAM) Kapten Mohammed Faiz Kamaludin berkata kelab itu turut dicadangkan untuk aktiviti kokurikulum di sekolah, sebagai tambahan untuk pengajaran mengenai sains dan teknologi aeroangkasa.

"Kami mahu menjadikan pembelajaran sains sebagai subjek menyeronokkan kerana bagi kanak-kanak ini, sains merupakan subjek yang susah.

"Jadi kami mengambil pendekatan dengan mengajar mereka mengenai sains dan teknologi aeroangkasa dalam modul kokurikulum selain daripada pelajaran sedia ada yang diajar di kelas," katanya dalam sidang media selepas majlis pelancaran kelab itu di Planetarium Negara, di sini, Sabtu.

Majlis itu disempurnakan [Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara \(ANGKASA\) Dr Noordin Ahmad.](#)

Bagi penyertaan hari pertama sahaja, sebanyak 100 pelajar dari Asia Pacific Smart School, Subang telah mendaftar sebagai ahli kelab.

Sementara itu, Pembantu Penolong Pengarah, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Alias Yoop yang turut hadir pada majlis itu berkata, kementerian menyokong penuh mana-mana program yang melibatkan pembelajaran pelajar di sekolah.

